

18 MAR 2003

Mahathir-Antartika/I

EKSPEDISI MAHATHIR KE ANTARTIKA AKAN DISIARKAN DI ASTRO

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- "Yang, tengok, kapal terbang atas ais," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali semasa ekspedisi mereka ke Antartika tahun lepas.

Dengan kamera video peribadi di tangan, ditemani keluarga dan rakan-rakan, Dr Mahathir merakamkan pengembaraan pertamanya ke Antartika, yang akan disiarkan melalui Astro dalam program 30 minitnya "Postcards From A Prime Minister" (Poskad Dari Seorang Perdana Menteri).

Program itu akan disiarkan pada pukul 8 malam 23 Mac melalui Saluran 11 Astro, Discovery Travel and Adventure. Program itu akan diulang keesokannya dari pukul 8 pagi.

Menurut Pengurus Program Antarabangsa Astro Agnes Rozario, Astro berbangga menayangkan program itu yang menunjukkan perjalanan luar biasa selama tujuh hari Dr Mahathir ke benua yang diliputi ais, Antartika, menaiki sebuah kapal pemecah ais Russia "Kapitan Dranitsyn". Perjalanan itu bermula dari Ushuaia, Argentina pada 6 Feb.

"Program ini, yang dikisahkan sendiri oleh Perdana Menteri, merupakan yang pertama bagi TV Malaysia dan satu contoh terbaik program hiburan berpendidikan yang Astro hidangkan kepada pelanggannya.

"Dan ia adalah amat mengkagumkan kerana Dr Mahathir melakukan suara latar dalam masa hanya kira-kira dua jam," katanya kepada Bernama selepas penayangan perdana dokumentari itu di sini hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden Perancangan Program Discovery Networks Asia, James Gibbons berkata program itu adalah mengenai apa sebenarnya saluran Discovery Travel and Adventures.

"Kita menyaksikan kejutan, keseronokan dan kekaguman Perdana Menteri dan teman-teman kembaranya. Program itu juga menunjukkan aspek peribadi PM yang jarang dilihat di televisyen," katanya.

Kepada satu soalan, Gibbons berkata idea untuk menerbitkan program itu pada mulanya datang dari Astro sendiri.

Editor Rencana Astro Azlina Ahmad, yang mengarah, menulis bersama dan menerbitkan bersama program itu, berkata beliau begitu gembira dapat menerbitkan program melibatkan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SSA NRY AHH ABG RON